

Pas Terengganu tetap laksanakan Takzir — Hadi

Oleh JAMDI NASIR

UM 15 AUG 2002

KUALA TERENGGANU 14 Ogos — Kerajaan Pas Terengganu tetap akan melaksanakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) yang berkuat kuasa di negeri ini sejak 1 Ogos lepas, kata Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Katanya, kerajaan negeri yakin pelaksanaan tersebut mengikut bidang kuasa kerajaan negeri berkaitan dengan hukum syariah dan ia sama sekali tidak bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan.

Tegas beliau, undang-undang itu tidak sepatutnya ditafsirkan sebagai bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan sehingga me-

maksa Pusat untuk mengambil tindakan kepada kerajaan negeri.

Abdul Hadi berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan tegas jika kerajaan Pas Terengganu terus berdegil untuk menguatkuasakan undang-undang secara bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan.

Perdana Menteri merujuk kepada pendirian kerajaan negeri Terengganu mahu membina sendiri penjara serta melantik pegawai penguat kuasa sukarela dalam melaksanakan undang-

undang Takzir dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas).

Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Pas tidak berhak membina penjara sendiri manakala pegawai penguat kuasa sukarela tidak mempunyai kuasa menangkap mana-mana individu.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) yang diluluskan pada Ogos tahun lepas antara lain menjadikan perbuatan mengkafirkan umat Islam sebagai satu kesalahan dan boleh didenda sehingga RM5,000 atau di penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

■ Lihat muka 4

Pas Terengganu tetap laksanakan Takzir — Hadi

Antara kesalahan lain mengikut enakmen itu ialah mengganggu perhimpunan atau upacara agama, mendakwa diri sebagai Rasul atau Nabi atau Imam Mahadi, mempersendakan ayat al-Quran atau hadis, melakukan persetubuhan dengan bukan manusia, khalwat, memutarbelitkan ajaran dan hukum-hakam agama Islam dan mengganggu perempuan di tempat awam.

Abdul Hadi berkata, undang-undang Takzir itu adalah berasal dari undang-

undang sedia ada tetapi ditukar kepada Takzir bagi memenuhi tuntutan aspek kerohanian.

Beliau menegaskan, apa yang perlu difahami bahawa undang-undang Takzir itu adalah undang-undang sedia ada yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah.

“Undang-undang sekarang terus dipakai dan dimasukkan di dalam Takzir dan apa yang berlaku ialah undang-undang itu (lama) tidak ada aspek spiritual. Aspek kerohanian itu dimasukkan seperti penjara tiga tahun, sebat tujuh kali atau tiga kali,” katanya.

Abdul Hadi berkata, beliau percaya Perdana Menteri tidak diberi penerangan jelas oleh pihak-pihak berkaitan mengenai usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri.

Beliau menegaskan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sepatutnya memainkan peranan untuk memberi penerangan kepada Kerajaan Pusat mengenai enakmen itu supaya semua pihak memahami kandungannya.